

Peralihan

BUKUK

• BH 23 JAN 2001

• pimpinan

• muka

MELAKA, Isnin – Umno akan memastikan kepeimpinannya beralih kepada generasi muda yang berwibawa dan cekap supaya perjuangan parti dapat diteruskan dengan berjaya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pemimpin sedia ada perlu digantikan dengan generasi muda berwibawa dan cekap supaya perjuangan Umno untuk menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020, dapat diteruskan.

meneruskan perjuangan. Umno, katanya, perlu meneruskan perjuangan yang masih diperlukan untuk negara kerana kejayaan yang dicapai selama ini adalah kerana sokongan yang diberikan oleh rakyat kepada parti.

“Sokongan yang diberikan adalah kerana rakyat menaruh harapan kepada parti ini untuk meneruskan perjuangan bagi rakyat berbilang kaum dan orang Melayu,” katanya.

Beliau berkata, perjuangan Umno terbukti ber-

- Tindakan jika bahagian, cawangan tidak terima yuran ahli
- Tarikh pertemuan Umno, Pas belum ditentukan – MUKA 4

Oleh itu, Perdana Menteri berkata menjadi harapan Umno untuk menarik lebih banyak sokongan generasi muda.

“Ini kerana perjuangan Umno sekarang adalah untuk waris kita iaitu generasi muda yang akan mengambil alih dan teruskan perjuangan ini...yang sedang kita usahakan ialah untuk masa depan negara kita.

“Dalam masa yang sama, generasi tua tidak boleh dilupakan kerana mereka telah menyumbang banyak kepada perjuangan Umno,” katanya ketika berucap merasmikan Graha Umno, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam serta ahli Majlis Tertinggi Umno.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, parti mahu melihat gabungan tenaga tua dan muda supaya pengalaman golongan tua dapat dipergunakan generasi muda bagi

hasil apabila Malaysia kini menjadi negara termaju antara negara membangun, selain menjadi negara contoh kepada dunia ketiga.

Katanya, negara maju juga terpaksa mengakui akan kebolehan rakyat Malaysia dan Barisan Nasional (BN) serta Umno yang menjadi teras kepada BN.

“Inilah masanya rakyat perlu memperkukuhkan Umno kerana banyak lagi perjuangan yang hendak diteruskan kerana dunia sekarang menjadi lebih mencabar.

“Sekarang usaha dibuat untuk menjajah negara kita semula...penjajahan dilakukan melalui cara lain dan mereka gunakan kekuatan ekonomi untuk menguasai negara kita.

“Mereka akan memperalatkan rakyat Malaysia sendiri melalui pelbagai pertubuhan yang sengaja mereka tolong supaya dapat melemahkan kerajaan Malaysia,” katanya sambil menambah beberapa kerajaan telah ditumbangkan melalui usaha kuasa asing.